






PRESS RELEASE

BRUNEI DARUSSALAM'S RESIDENTIAL PROPERTY PRICE INDEX (RPPI)
FOR THE FOURTH QUARTER OF 2025 (Q4 2025)

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) today published Brunei Darussalam's Residential Property Price Index (RPPI) for the fourth quarter of 2025 (Q4 2025). The index is compiled using data sourced from banks in Brunei Darussalam, and is published with close cooperation from the Ministry of Development, in particular the Authority for Building Control and Construction Industry (ABCi). RPPI measures the rate at which prices of private residential properties purchased by households are changing over time.
2. In Q4 2025, the RPPI stood at 93.2, representing an increase of 4.1% year-on-year compared to Q4 2024, and an increase of 5.1% quarter-on-quarter compared to Q3 2025.

Period	Index (Q1 2015 = 100)	Change (%)	
		From Q4 2024	From Q3 2025
Q4 2025	93.2	4.1%	5.1%





3. Based on mortgage data obtained from banks, there were 128 transactions for private residential properties in Q4 2025, reflecting a decrease of 31.6% compared to Q3 2025 and a decline of 12.9% compared to the previous year. For Q4 2025, the majority of these transactions were for detached houses (57.8%), followed by terrace houses (19.5%), semi-detached houses (14.1%), apartments (7.8%), and land (0.8%).
4. The overall median purchase price for all types of private residential properties was BND249,500 in Q4 2025, an increase of 8.5% compared to Q3 2025, and an increase of 3.7% compared to Q4 2024. The median purchase prices for specific property types were BND268,000 for detached houses, BND263,000 for semi-detached, BND200,000 for terrace houses, BND224,190 for apartments, and

BND265,000 for land purchases. In compiling the RPPI, median prices are more widely used compared to average or mean prices as they offer a more stable measure that is less influenced by unusually priced properties within the house price distribution

- In terms of location, the majority of properties purchased were recorded in the Brunei Muara district (110 properties), followed by the Tutong district (12 properties), the Belait district (5 properties) and the Temburong district (1 property) in Q4 2025. In addition, the top 5 Mukims that recorded the highest number of private residential property purchases during the quarter were Mukim Kilanas, Mukim Gadong, Mukim Sengkurong, Mukim Berakas B, and Mukim Lumapas.

Number of Transactions in Q4 2025 by District	
Brunei Muara	110
Tutong	12
Belait	5
Temburong	1

Top 5 Mukim with Most Purchase Transactions in Q4 2025	
Kilanas	23
Gadong	21
Sengkurong	17
Berakas B	12
Lumapas	10

- The published statistics and index should be treated as general information only, and one should not rely solely on these data to draw specific conclusions about a particular private residential property, as property values vary with location, land size, floor area, among other factors.
- For more information on RPPI, members of the public may refer to the technical notes on the methodology and updated statistics available on the BDCB website at www.bdcg.gov.bn. Updates on the RPPI are also available via BDCB's Instagram account @centralbank.brunei.

Brunei Darussalam Central Bank

Date: 17 Syawal 1447H/ 6 April 2026M

Reference: BDCB/COMMS/3






SIARAN AKHBAR

INDEKS HARGA HARTANAH KEDIAMAN (RPPI)
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI SUKU KEEMPAT (Q4 2025)

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Harga Hartanah Kediaman atau Residential Property Price Index (RPPI) Negara Brunei Darussalam bagi suku keempat tahun 2025. Indeks ini dihasilkan dengan data yang diperolehi daripada bank-bank di Negara Brunei Darussalam, dan diterbitkan dengan kerjasama pihak Kementerian Pembangunan, khususnya Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCI). RPPI mengukur kadar perubahan harga hartanah kediaman persendirian yang dibeli oleh isi rumah dari masa ke masa.
2. Pada suku keempat tahun 2025, RPPI dicatat pada 93.2, menunjukkan peningkatan sebanyak 4.1% tahun ke tahun berbanding dengan suku keempat tahun 2024, dan peningkatan sebanyak 5.1% berbanding dengan suku ketiga tahun 2025.

Tempoh	Indeks (Q1 2015 = 100)	Perubahan (%)	
		Dari Q4 2024	Dari Q3 2025
Q4 2025	93.2	4.1%	5.1%





3. Berdasarkan data pinjaman/pembiayaan yang diperoleh dari bank-bank, sebanyak 128 transaksi pembelian hartanah kediaman persendirian telah dicatat pada suku keempat tahun 2025. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 31.6% berbanding dengan suku ketiga tahun 2025 dan penurunan sebanyak 12.9% berbanding tahun sebelumnya. Pada suku keempat 2025, sebahagian besar transaksi adalah bagi pembelian rumah berasingan atau detached (57.8%), diikuti oleh rumah teres (19.5%), rumah berkembar atau semi-detached (14.1%), pangsapuri (7.8%), dan tanah (0.8%).
4. Harga median bagi pembelian kesemua jenis hartanah kediaman persendirian adalah BND249,500 pada suku keempat tahun 2025. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 8.5% berbanding dengan suku ketiga tahun 2025, dan peningkatan sebanyak 3.7% berbanding dengan suku keempat tahun

2024. Harga median adalah BND268,000 bagi pembelian rumah berasingan, BND263,000 bagi rumah berkembar, BND200,000 bagi teres, BND224,190 bagi pangsapuri, dan BND265,000 bagi pembelian tanah. Dalam pengiraan RPPI, harga median adalah lazim digunakan kerana ia memberikan ukuran yang lebih stabil berbanding harga purata dan tidak mudah dipengaruhi oleh harga hartanah yang luar biasa.

5. Dari segi lokasi, kebanyakan pembelian hartanah persendirian terletak di Daerah Brunei dan Muara (110 hartanah), diikuti oleh Daerah Tutong (12 hartanah), Daerah Belait (5 hartanah), dan Daerah Temburong (1 hartanah) pada suku keempat tahun 2025. Lima buah Mukim yang merekodkan jumlah transaksi yang tertinggi pada suku tahun tersebut adalah Mukim Kilanas, Mukim Gadong, Mukim Sengkurong, Mukim Berakas B, dan Mukim Lumapas.

Jumlah Transaksi pada Q4 2025 mengikut Daerah	
Brunei dan Muara	110
Tutong	12
Belait	5
Temburong	1

5 Mukim dengan Jumlah Transaksi Tertinggi pada Q4 2025	
Kilanas	23
Gadong	21
Sengkurong	17
Berakas B	12
Lumapas	10

6. Indeks dan statistik yang diterbitkan adalah untuk maklumat umum sahaja. Orang ramai dinasihatkan untuk tidak hanya bergantung kepada indeks dan statistik ini dalam menilai mana-mana hartanah kerana harga hartanah kediaman persendirian adalah berbeza, tertakluk antara lain kepada lokasi, saiz tanah dan keluasan lantai.
7. Untuk maklumat lanjut, nota teknikal dan data terkini boleh didapati di laman web BDCB www.bdcg.gov.bn. Maklumat terkini mengenai RPPI juga boleh didapati melalui akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 17 Syawal 1447H/ 6 April 2026M

Rujukan: BDCB/COMMS/3